

26/07/1997

Asean wajar tangani spekulasi mata wang

SEORANG pembiaya antarabangsa yang juga spekulator mata wang terkemuka dalam satu temu ramah dengan sebuah majalah di Jerman tahun lalu, menyarankan masyarakat kewangan dunia menggubal undang-undang sejagat yang berkesan bagi membendung kegiatan spekulasi. Beliau yang mengakui pernah terbabit dalam kegiatan itu sehingga menyebabkan kejatuhan teruk nilai paun British lima tahun lalu berkata, jika spekulator seperti beliau boleh menyebabkan sistem kewangan sesebuah negara tergugat hasil kegiatan spekulasi, tentunya wujud kelemahan dalam sistem berkenaan. Lantaran itu, katanya, adalah mudah untuk menyalahkan spekulator apabila pasaran kewangan hura-hara tetapi mereka yang terbabit dalam sistem itu sendiri tidak mengkaji kelemahan yang ada. "Peraturan dan undang-undang sedia ada tidak mencukupi. Mereka sukar menggubal undang-undang baru malah peraturan sedia ada ketinggalan zaman kerana perkembangan pasaran mata wang terlalu inovatif. Peraturan baru dan lebih ketat perlu diperkenalkan di peringkat antarabangsa bagi membendung kegiatan itu," katanya.

Begitulah gambaran kesombongan dan keriahan yang boleh tunjukkan oleh kalangan spekulator antarabangsa apabila mereka berjaya `menyamun' berbilion dollar menerusi kegiatan spekulasi dan tekanan terhadap mata wang sesebuah negara. Walaupun kita boleh mengecam, membidas, mengutuk keras dan menyalahkan spekulator itu sehingga ekonomi sesebuah negara terancam atau mungkin runtuh oleh perbuatannya, tidak banyak yang boleh dibuat menghalang kegiatan itu. Mereka bermaharajalela melapah dan menyambar keuntungan kerana mengetahui tidak siapa yang dapat mengekang secara langsung perbuatan itu. Sebagai `pemain', mereka seolah-olah terlalu mahir dan tahu selok-belok serta lubang jerlus yang boleh dibolosi.

Kita sekadar boleh berkata dari segi moralnya, perbuatan itu adalah tidak sihat dan dicap dengan pelbagai gelaran, tetapi dari segi undang-undang, tiada apa yang boleh mengikat kaki mereka. Lantaran itu, kerana ruang masih terbuka luas, spekulator akan terus berani tanpa mempedulikan cacian dan cemuhan masyarakat antarabangsa. Mereka tetap `membuat' duit di mana juga ada peluang. Kalangan negara di Asia khususnya kalangan negara Asean juga tidak terkecuali. Tahun ini menyaksikan baht Thailand terjerumus dan tewas dalam permainan mereka. Ia diikuti oleh peso Filipina dan kemudian semacam penyakit hawar, merebak dan menyerang pula ringgit Malaysia. Walaupun kita masih dapat bertahan, tidak ada jaminan bagi Malaysia dan negara Asean lain bahawa kita mampu menangkis sepenuhnya serangan yang mungkin bertubi-tubi selepas ini. Sehubungan itu, sememang amat wajar cadangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin supaya Asean menimbang menggubal undang-undang menyekat serangan spekulatif terhadap mata wang rantau ini. Kita perlu mempunyai pendirian bersama bagaimana menghadapi isu ini dan jika ada keperluan menggubal undang-undang berhubung mata wang kita, ia perlu disegerakan.

Walaupun ketika ini belum ada tindakan Asean yang dikenal pasti untuk mengatasi masalah itu, kita yakin kumpulan serantau itu atas landasan semangat kerjasama yang subur dan setiakawan yang dibajai selama ini, menentang serangan spekulatif itu.

Dalam menjayakan semangat Asean yang kini genap 30 tahun penubuhannya, banyak kerjasama berjaya dilaksanakan sama ada dari aspek, ekonomi, politik mahupun sosial. Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) dalam usaha meliberalisasikan perdagangan di rantau ini dan Skim Tarif Keutamaan

Berkesan Sama Rata (CEPT) adalah contoh terbaik. Oleh itu, kita tidak nampak banyak masalah timbul bagi menangani serangan ini. Pasti dengan persefahaman jitu dan undang-undang standard yang digubal, kita boleh mempertingkatkan kekuatan. Jika berlaku serangan spekulatif terhadap satu mata wang, rakan lain dalam Asean akan cepat tiba membantu. Walaupun sektor itu sedang menuju ke dasar kewangan liberal di pasaran terbuka, kita mesti bertindak mempertahankan diri supaya mata wang rantau ini tidak mudah terdedah kepada sebarang serangan spekulatif itu.

Selain Asean, negara Asia yang lain juga wajar turut serta menangkis serangan ini. Mesyuarat tokoh Bank Pusat Asia di Shanghai hari ini yang menjadi medan bagi gabenor Bank Pusat seluruh dunia bermesyuarat juga diharapkan membincang serta mengambil langkah drastik menangani isu ini.

(END)